

DUZEN-B CREAM

Fusidic acid 2%w/w dan betamethasone 17 valerate 0.12%

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan *Duzen-B*
- Bagaimana *Duzen-B* berfungsi
- Sebelum mengambil *Duzen-B*
- Cara menggunakan *Duzen-B*
- Semasa menggunakan *Duzen-B*
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan *Duzen-B*
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Duzen-B*

Ia digunakan untuk merawat keadaan dengan jangkitan kulit oleh kuman dengan keadaan keradangan.

Bagaimana *Duzen-B* berfungsi

Ia mengandungi *fusidic acid*, sejenis antibiotic yang membunuh kuman yang menyebabkan jangkitan. Ia juga mengandungi *betamethasone valerate*, steroid untuk mengurangkan bengkak, kemerahan atau gatal-gatal kulit.

Sebelum mengambil *Duzen-B*

Bila tidak boleh mengambil

- jika ada alahan terhadap *Duzen-B* atau ramuan-ramuan lain *Duzen-B*.
- jika merawat keadaan *acne rosacea* (kemerahan dan keradangan pada hidung dan pipi) atau *perioral dermatitis* (ruam bintik merah pada mulut dan dahi) atau jangkitan kulat.

Sebelum mula mengambil

- berhati-hati semasa menggunakan berhampiran dengan mata kerana ia mungkin menyebabkan iritasi. Sila beritahu doktor jikalau mengandungi atau menyusukan anak.
- jangan guna pada luka terbuka atau kawasan lubang hidung, telinga, bibir dan tempat sulit kecuali dengan arahan doktor.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain. Ubat ini cuma memberi kesan

minimal semasa memandu atau menggunakan mesin. Walau bagaimanapun, semak dengan doktor jika terdapatnya sebarang kesan sampingan yang mengganggu aktiviti memandu atau menggunakan mesin.

Cara menggunakan *Duzen-B*

Berapa banyak harus diambil
Sapu pada bahagian berkenaan dua atau tiga kali sehari.

Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diguna

- dilarang untuk guna jangka panjang pada muka. Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Duzen-B*

Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- penggunaan untuk jangkamasa lama dan banyak mungkin mengakibatkan risiko tinggi kesan sampingan dan kulit sensitif. Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor,

Kesan-kesan sampingan

Kadangkala berlaku gerakbalas alahan seperti ruam dan iritasi. Boleh

mengakibatkan rintangan bakteria. Jika digunakan pada tempat luas, luka atau terbalut, betamethasone 17 valerate mungkin terserap dan menyebabkan kesan sampingan tersebut. Dengan penggunaan berterusan, penipisan kulit, ruam bintik merah hampir mulut dan jangkitan sekunder mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan *Duzen-B*

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *fusidic acid* dan *betamethasone 17 valerate*
- Bahan tidak aktif: *propylene glycol, liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, disodium edetate* dan air.

No. MAL:

MAL20020808A

Pengilang

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Pemegang pendaftaran produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini

19/08/2013